

22/02/1999

Anwar sambung keterangan

KUALA LUMPUR, Ahad - Perbicaraan kes Datuk Seri Anwar Ibrahim yang bersambung pada minggu ke-14, akan menyaksikan bekas Timbalan Perdana Menteri itu menyambung keterangan dalam pemeriksaan semula.

Anwar, 51, yang sepatutnya selesai memberi keterangan Khamis lalu, tidak dapat berbuat demikian kerana mengalami sakit gigi pada hari berkenaan dan Jumaat lalu.

Hakim Mahkamah Tinggi, Datuk S Augustine Paul, terpaksa menangguhkan perbicaraan dua kali selepas Anwar mengadu sakit gigi dan tidak dapat menyambung keterangannya.

Anwar akan menyambung keterangan dalam pemeriksaan semula esok dan peguam belanya Gurbachan Singh memberitahu mahkamah pihaknya hanya mengambil satu setengah jam untuk menamatkan pemeriksaan semula.

Pendakwa pada 12 Februari lalu memberitahu mahkamah pihaknya selesai menyoal balas tertuduh dengan syarat akan menyoal saksi itu berhubung dua perkara.

Perkara itu berhubung laporan kedua bekas Pengarah Cawangan Khas, Datuk Mohd Said Awang kepada Perdana Menteri dan perbualan antara Anwar dengan Perdana Menteri serta bekas Ketua Polis Negara, Tan Sri Abdul Rahim Noor yang masih dianggap dengar cakap.

Saksi pembela pertama akan dipanggil memberi keterangan bagi menyokong semua keterangan tertuduh yang mendakwa dalam pembelaannya wujud konspirasi polis untuk menuduhnya di mahkamah.

Menurut seorang daripada peguam bela Anwar, pembela akan memanggil bekas pegawai pengiring Timbalan Perdana Menteri, Asisten Superintendan Zull Aznam Haron untuk memberi keterangan Khamis ini.

Selain Zull Aznam, bekas setiausaha sulit Timbalan Perdana Menteri, Mohamed Azmin Ali akan memberi keterangannya.

Pembela sudah memberitahu mahkamah pihaknya bercadang memanggil Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad; Menteri Kewangan dan Menteri Tugas-Tugas Khas, Tun Daim Zainuddin; Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Datuk Seri Megat Junid Megat Ayob; Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Datuk Seri Rafidah Aziz sebagai saksi.

Saksi lain adalah Abdul Rahim; Setiausaha Sulit Perdana Menteri, Datuk Abdul Aziz Shamsuddin; bekas Pengarah Jabatan Siasatan Jenayah Datuk Ismail Che Ros.

Perbicaraan Anwar yang digelar 'Perbicaraan Abad Ini di Malaysia' masih menarik perhatian. Orang ramai masih beratur sejak awal pagi untuk masuk ke mahkamah berkenaan.

Anggota keluarga Anwar termasuk isterinya, Datin Seri Dr Wan Azizah Ismail dan anak-anak mereka hadir mengikuti perbicaraan setiap hari.

Mereka disediakan tempat duduk khas di dalam mahkamah. Seramai 23 saksi pendakwa sudah dipanggil memberi keterangan termasuk Mohd Said, dua pegawai Cawangan Khas, Deputi Superintendan Abdul Aziz Hussin, Asisten Komisioner Mazlan Mohd Din, Timbalan Ketua Setiausaha Jabatan Perdana Menteri, Datuk Alias Ali, Azizan Abu Bakar dan Ummi Hafilda Ali.

Anwar menghadapi empat tuduhan rasuah mengikut Seksyen 2(1) Ordinan 22 (Kuasa-kuasa Perlu) Darurat 1970 yang jika sabit kesalahan, boleh dihukum penjara maksimum 14 tahun atau denda RM20,000 atau kedua-duanya.

Bekas Timbalan Perdana Menteri itu juga menghadapi satu lagi tuduhan rasuah dan lima tuduhan liwat yang akan dibicarakan antara Disember hingga Jun tahun depan.

Lima tuduhan liwat itu didakwa mengikut Seksyen 377B Kanun Keseksaan yang boleh membawa hukuman penjara 20 tahun dan sebat, jika sabit kesalahan.

Paul bagaimanapun belum menetapkan perbicaraan satu lagi kes rasuah dan kes liwat. Beliau menetapkan empat tuduhan rasuah dibicarakan terlebih dahulu bermula pada 2 November lalu.

(END)